

MPN anjur wacana, puisi sempena Hari Malaysia

PUTRAJAYA 6 Sept. - Majlis Profesor Negara (MPN) akan menganjurkan program wacana dan puisi sempena sambutan Hari Malaysia di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 13 September ini.

Ketua Pegawai Eksekutif

MPN, Prof. Datuk Dr. Raduan Che Rose berkata, program tersebut yang diadakan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), UPM, Institut Perguruan, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pendidikan turut mendapat kerjasama akhbar

Utusan Malaysia.

“Program ini dibahagi kepada dua segmen utama iaitu program wacana ilmuwan bertajuk *Negaraku Malaysia: Di mana, ke mana kita?* dan majlis puisi, Malam Laungan Rasa Sehati Sejiwa.

“Segmen wacana ilmuwan ini merupakan sebuah program berbentuk dialog dan perbincangan dengan melibatkan ilmuwan, pelajar sekolah, penuntut universiti awam, pendidik dan pegawai kerajaan,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.